

STATISTIK KERATAN AKHBAR FEBRUARI 2024

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	TAAT SETIA RAKYAT KEPADA SULTAN IBRAHIM	UTUSAN MALAYSIA MS 3	1/2/2024	SEMASA
2	TVET BUKAN TEMPAT LONGGOK 'JAGUH KAMPUNG' GAGAL KE IPT	BERITA HARIAN MS 11	7/2/2024	KPT
3	BERCAKAP BOHONG LAMA-LAMA MAKAN RASUAH	UTUSAN MALAYSIA MS 15	7/2/2024	RENCANA
4	KAJIAN SSPA DIPERCEPAT - ANWAR	UTUSAN MALAYSIA MS 4	7/2/2024	SEMASA
5	MAHASISWA TAMSILAN PEMIMPIN MASA DEPAN	UTUSAN MALAYSIA MS 9	16/2/2024	KPT
6	ADUAN, MAKLUM BALAS BAIKI BUDAYA KERJA PENJAWAT AWAM BERINTEGRITI	BERITA HARIAN MS 11	17/2/2024	SEMASA
7	60 PERPUSTAKAAN DESA JADI PUSAT PENDAFTARAN TAMBAHAN PADU	SINAR HARIAN MS 11	18/2/2024	PERPUSTAKAAN
8	KEPERLUAN GRADUAN MILIKI KEMAHIRAN TAMBAHAN	UTUSAN MALAYSIA MS 16	19/2/2024	KPT
9	BIROKRASI TIDAK PERLU WAJAR DIMANSUH	UTUSAN MALAYSIA MS 5	19/2/2024	SEMASA
10	ANUGERAH SEBUAH PENGORBANAN	HARIAN METRO MS 32	19/2/2024	POLITEKNIK
11	LEBIH RAMAI PELAJAR TVET KE LUAR NEGARA	BERITA HARIAN MS 05	19/2/2024	KPT
12	KHIDMAT RUNDING CARA KELUARGA BANYAK MANFAAT UNTUK UMMAH	UTUSAN MALAYSIA MS17	20/2/2024	RENCANA
13	KESEPAKATAN MENEGAK DAN MEMPERKASA SYARIAT ISLAM	HARIAN METRO MS 15	20/2/2024	AGAMA
14	PELAN INTEGRITI TUMPU PEMBUDAYAAN	BERITA HARIAN MS 05	20/2/2024	SEMASA
15	LAWATAN KERJA KE TOKYO PERKASA TVET	BERITA HARIAN MS 3	21/2/2024	KPT
16	PERSIAPAN GRADUAN GEN-Z	HARIAN METRO MS 14	22/2/2024	KPT
17	JANGAN JADIKAN ALLAH DAN RASUL SEBAGAI BAHAN GURAUAN	HARIAN METRO MS 15	22/2/2024	AGAMA
18	PENYELIDIKAN IPT PERLU SELARI KEPERLUAN INDUSTRI	UTUSAN MALAYSIA MS 2	22/2/2024	KPT
19	GRADUAN KENA MANFAAT NILAI MANUSIAWI SAINGI AI	BERITA HARIAN MS 11	22/2/2024	KPT
20	: DIDIK NILAI AGAMA, MORAL LAHIR MURID MILIKI 'KARAMAH INSANIAH'	BERITA HARIAN MS 12	22/2/2024	RENCANA

Dalam Negeri

Taat setia rakyat kepada Sultan Ibrahim

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhlisulaiman@mediamulia.com.my


PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim dan seluruh rakyat akan taat dan setia kepada Yang di-Pertuan Agong Ke-17, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah.

Perdana Menteri turut merafak sembah dan mengucapkan tahniah kepada kedua-dua Seri Paduka yang memulakan pemerintahannya lima tahun, selepas melafaz sumpah memegang jawatan dalam upacara penuh adat istiadat di Istana Negara semalam.

“Patik dan sekalian rakyat akan terus memberi ketaatan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Tuanku.

“Patik dan sekalian rakyat juga mendoakan ke hadrat Allah SWT semoga Duli Tuanku serta seluruh kerabat diraja sentiasa dilimpahi rahmat dan hidayah-Nya serta berada dalam keadaan sihat, sejahtera dan penuh kedaulatan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam kenyataan berasingan, Anwar berkata, kerajaan mendukung sepenuhnya dan mengalu-alukan titah Seri



SULTAN Ibrahim Iskandar bertitah kepada Anwar Ibrahim selepas baginda selesai melafaz dan menandatangani surat sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-17 di Istana Negara semalam.

Paduka yang mahu melihat Malaysia meneruskan tadbir urus yang baik, telus, pemancahan ekonomi mampan serta memberi sepenuh perhatian kepada

usaha meningkatkan darjah kehidupan rakyat.

Menurut beliau, titah tersebut juga menjadi hasrat jutaan rakyat yang mahu

melihat kestabilan negara demi kemakmuran dan ke-sejahteraan serta peluang dan masa hadapan yang lebih baik untuk semua.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: TVET BUKAN TEMPAT LONGGOK ‘JAGUH KAMPUNG’ GAGAL KE IPT

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 11

TARIKH : 07/02/2024

TVET bukan tempat longgok ‘jaguh kampung’ gagal ke IPT



Wartawan BH

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

B1/H 7/2/24 ms "

Selepas 60 tahun Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bertapak di Malaysia, negara bakal mempunyai Dasar TVET pertama yang berupaya menjadi rujukan dalam memacu institusi melaksanakan program berkualiti merangkumi pelbagai bidang berkenaan.

Tanpa menoleh ke belakang, acuan agensi Malaysia semakin serius mengorak langkah ke arah memartabatkan TVET yang diperkenalkan pada 1964, terutama menjelang pelaksanaan dasarnya pada 2 Jun.

Dokumen itu akan berperanan sebagai medium penyatu aspirasi dan hala tuju pelaksanaan TVET merentasi pelbagai pemegang taruh, sekali gus mengisi ruang kosong perlu dipenuhi dengan tenaga tempatan berkemahiran khususnya golongan muda.

Dasar TVET menjadi antara lapan hala tuju utama aliran itu sepanjang tahun ini, selain sasaran kerajaan memuktamadkan sekurang-kurangnya 50 Memorandum Kerjasama bersama industri dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam pelaksanaan program berimpak tinggi.

Setakat tahun lalu, sebanyak 172 GLC, swasta dan agensi awam menjalinkan kerjasama dengan institusi TVET, termasuk memorandum persefahaman (MoU).

Momentum semasa merancakkan usaha kerajaan mendigitalkan TVET dengan pelancaran data raya

menerusi penyelarasan tadbir urus dan pemasukan data secara komprehensif, selain melakukan kajian bersama dengan penggerak industri dalam menawarkan pekerjaan secara terus.

Sebuah indeks kebolehan baharu akan diperhalus dan diwujudkan sebagai penanda aras penilaian terhadap permintaan dan penawaran tenaga mahir tempatan, seterusnya menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Reformasi TVET suntik nafas segar

Reformasi TVET bakal menyuntik nafas segar kepada aliran itu dengan antara lain bermatlamat menyelaras program berkaitan TVET di 12 kementerian, bersesuaian dengan keperluan industri.

Hakikatnya, masyarakat tidak lagi memandang aliran TVET sebagai pilihan terakhir atau median melonggokkan jaguh tempatan tidak berpeluang bersaing dengan aliran profesional.

Negara maju seperti Jepun dan Jerman sudah lama meletakkan TVET sebagai keutamaan bagi melahirkan tenaga mahir khususnya sektor kejuruteraan dan mekanikal, manakala China turut menawarkan aliran TVET dari negara ini untuk melanjutkan pengajian ke negara Tembok Besar itu.

Pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, baru-baru ini mengenai langkah mewujudkan badan penarafan tunggal program TVET bagi menyeragamkan kualiti program ditawarkan, membuktikan kepentingan aliran itu dalam membina negara bangsa.

Penarafan bersama Agensi Kelayakan Malaysia

(MQA) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) itu adalah jaminan ke arah penyediaan tenaga mahir cekap memenuhi kehendak pasaran dan pemegang taruh secara menyeluruh.

Hasil jangka panjang pastinya menjurus ke arah mengurangkan kadar pengangguran dalam kalanngan belia lepasan sekolah yang tidak melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) atas pelbagai faktor seperti keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kurang memberangsangkan, masalah kewangan atau minat berbeza.

Golongan ini akan menjadi generasi muda berilmu dengan pengkhususan bidang yang semestinya menjadi pilihan majikan di luar sana. Mengambil kira usia muda selepas menamatkan pengajian, mereka mempunyai banyak masa dan ruang untuk melanjutkan pengajian bagi menambah kemahiran.

Kerajaan MADANI kini bertekad memartabatkan TVET dan kesungguhan itu terbukti apabila Belanjawan 2024 memperuntukkan RM6.8 bilion untuk memperkasa aliran TVET.

Bermula di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Dusun Tua dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur pada 1964, negara boleh berbangga dengan 1,345 institusi TVET membabitkan 12 kementerian selain 385,499 pelajar aliran itu tahun lalu.

Sehingga kini, kadar kebolehpasaran graduan TVET dilihat sangat baik, iaitu 92.5 peratus pada 2022, melepas sasaran 86.7 peratus menjelang 2025. Jelas sekali ada sinar baharu dalam bidang TVET negara pada masa hadapan.

TAJUK: BERCAKAP BOHONG LAMA-LAMA MAKAN RASUAH

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 15

TARIKH : 07/02/2024

Rencana



ROHAMI SHAFIE

TAHUN ini genaplah 15 tahun saya menulis di akhbar *Utusan Malaysia*. Artikel pertama saya dalam akhbar disiarkan oleh akhbar ini. Ketika itu, pada 2009, saya menulis tentang rasuah.

Selepas 15 tahun, kita masih bercakap tentang rasuah. Sudah tentu rasuah tidak dapat dikurangkan pada tahap sifar kerana manusia itu sememangnya suka akan kekayaan, kemewahan dan kesenangan. Tetapi untuk mendapat segala kemewahan ia perlulah berasaskan ajaran Islam. Sebab itulah rasuah amat dilarang oleh agama Islam.

Namun, saban hari kita sering mendengar pelbagai kes tentang rasuah yang tidak berkesudahan, seolah sangat jauh untuk sampai ke garisan penamat bagi memastikan Malaysia bersih dari kekotoran yang merupakan musuh utama negara. Sebuah negara yang merupakan 'syurga' bagi warganegara asing mencari rezeki, tetapi dalam kalangan rakyat kita pula ada yang terjebak dalam rasuah.

Jika amati karya terpilih cendekiawan terkenal tanah air, Allahyarham Profesor Datuk Dr. Syed Hussein Al-Atas dalam bukunya, *Rasuah: Sifat, Sebab Dan Fungsi*, kita akan memahami lebih lanjut tentang rasuah. Rasuah berlaku di mana-mana negara di dunia ini, hatta negara yang dikatakan menduduki ranking tertinggi Indeks Persepsi Rasuah pun tidak boleh mendabik dada dengan mengesahkan bahawa negara mereka tidak terlibat langsung dengan rasuah.

Dalam hal ini, tumpuan perlu pada asas untuk mengurangkan sebanyaknya kes-kes rasuah berbalik pada bagaimana setiap daripada kita menolak sepenuhnya rasuah. Lebih-lebih lagi, nilai ini perlu ditanamkan sejak kecil lagi. Asasnya tidak lain tidak bukan integriti dan etika.

Cukup senang untuk menyebut kedua-duanya, namun ramai yang tertiarap dan terlingkup kerana tidak mampu menahan godaan rasuah. Untuk menguatkan integriti dan etika seseorang anak kecil, ibu bapa, guru malah masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing. Inilah yang wajar menjadi fokus utama dalam pendidikan anak-anak kecil.

Bukan setakat mengejar kecemerlangan berapa A yang mereka dapat, kerana



Bercakap bohong, lama-lama makan rasuah

“

Namun, pembohongan bukan setakat di peringkat kepimpinan dunia, pembohongan juga boleh berlaku di peringkat kepimpinan bawahan.”

apalah gunanya seseorang itu yang sangat cemerlang dalam peperiksaan, namun apabila dewasa nanti mereka juga 'cemerlang' terlibat dengan rasuah dan penyelewengan.

Tonggak di sini juga sudah tentulah kepimpinan yang menitikberatkan tentang penolakan terhadap rasuah. Kepimpinan di semua peringkat. Mereka yang diberikan amanah perlu mengetahui bahawa amanah itu bukanlah satu keistimewaan tetapi satu 'bebanan' yang akan dipersoalkan oleh Yang Maha Esa kelak.

Tidak menghairankanlah

terdapat kes-kes rasuah yang melibatkan konflik kepentingan kerana mereka ini lebih memikirkan 'tembolok' masing-masing hanya kerana terlalu mendambakan kemewahan yang sementara.

Natijahnya, mereka yang layak tidak memperoleh apa yang sepatutnya mereka dapat. Jadi, bagaimanakah mereka yang berkuasa ini dapat menyelesaikan masalah rakyat jika hanya lebih mementingkan diri sendiri?

PEMIMPIN INTEGRITI

Sebab itulah, dalam buku bertajuk *Muhammad: 11 Kualiti Kepimpinan Yang Mengubah Dunia* yang ditulis oleh Nabeel Al-Azami meletakkan integriti sebagai kualiti kepimpinan yang pertama bagi mengubah dunia. Dunia tidak akan aman selagi integriti tidak diamalkan oleh para pemimpin. Natijahnya, kita akan nampak dunia semakin bercelaru di semua peringkat.

Maka, untuk memperbaikinya bukan boleh setakat umpama memangkas ranting-ranting seohon pokok yang rosak tetapi perlu bermula daripada

akar tunjangnya. Pohon tersebut perlu dibajai dengan rapi supaya tumbuh subur sehingga dapat menghasilkan buah-buahan yang elok dimakan oleh manusia.

Begini jugalah seseorang pemimpin, perlu dibajai dengan sifat integriti berdasarkan amanah dan kejujuran. Pemimpin yang tidak berintegriti pastinya tidak akan mampu menjalankan tanggungjawab dengan sebaik mungkin. Hal ini mudah kerana seseorang pemimpin yang tidak berintegriti tidak boleh lari daripada sifat suka berbohong yang jauh berbeza dengan sifat kejujuran. Sejak dahulu lagi, kalau kita lihat sejarah manusia, begitu ramai pemimpin yang suka berbohong untuk merasionalkan niat jahat mereka.

Ambil contoh apa yang berlaku di negara-negara yang sekarang ini boleh dikatakan hancur tidak sebagaimana kemajuan yang mereka nikmati suatu ketika dahulu. Sudah lupakah kita dek kerana ingin merasionalkan serangan ke atas Iraq, maka kuasa besar dunia memberi alasan palsu yang akhirnya kebenaran

terbukti selepas masyarakat dunia mengetahui apa yang berlaku hanyalah pembohongan semata-mata.

Namun, pembohongan bukan setakat di peringkat kepimpinan dunia, pembohongan juga boleh berlaku di peringkat kepimpinan bawahan. Maka, jika tiada kebenaran mana mungkin rasuah dapat diperangi habis-habisan?

Ingatlah, tokoh pemikir terkenal Allahyarham Abdul Malik Karim Amrullah atau lebih dikenali sebagai Hamka, ada menyimpulkan dalam buku karangannya bertajuk, *Bohong Di Dunia* yang mengungkap bahawa semua kesalahan budi pekerti adalah kebohongan.

Justeru, amati betul-betul pantun Melayu yang jelas menyebut tentang kesan buruk bohong:

*Siakap senohong,
Gelama ikan duri,
Bercakap bohong,
Lama-lama mencuri.*

PROFESOR Madya Dr. Rohami Shafie ialah Pensyarah Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) Kolej Perniagaan (COB) Universiti Utara Malaysia (UUM).

TAJUK: KAJIAN SSPA DIPERCEPAT - ANWAR

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 04

TARIKH : 07/02/2024

Kajian SSPA dipercepat - Anwar

Oleh MOHD. HUSNI
MOHD. NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Laporan akhir kajian Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) akan dimuktamadkan dalam tempoh dua bulan sebelum dibawa mesyuarat Jemaah Menteri untuk diputuskan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, mesyuarat pelaksanaan pelarasan gaji itu sudah dimulakan dan akan dipercepatkan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlani Abdul Aziz juga bersetuju untuk mempercepatkan laporan kajian itu.

"Kalau ikut jangkaan kita, paling lewat dalam dua bulan ini baru dibentangkan dalam (mesyuarat) Jemaah Menteri untuk kelulusan muktamad," katanya ketika menyampaikan amanat pada majlis perhimpunan bulanan bersama warga Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Anwar berkata, beliau tidak mahu laporan kajian itu dikenalpasti lagi kerana kali terakhir skim itu disemak adalah 12 tahun lalu.

Anwar berkata, beliau mahu laporan kajian itu dibuat secara 'fast track' (pelepasan/kelulu-



ANWAR Ibrahim beramah mesra dengan kakitangan Kementerian Kewangan selepas perhimpunan bulanan kementerian itu, semalam.

san segera) dan tidak perlu melalui peringkat mesyuarat yang banyak.

"Sudahlah kita menunggu selama 12 tahun, kena masuk jawatankuasa lagi, kemudian ada jawatankuasa koordinasi, selepas itu ada jawatankuasa koordinasi 'super', kemudian jawatankuasa Kabinet.

"Kemudian ada pula jawatankuasa dipengerusikan

Perdana Menteri, jadi ada 15 jawatankuasa baru nak ambil (tindakan). Tidak (untuk kali ini), saya tak buat lagi dah dan kita ambil 'fast track'. Kalau tak selesai juga, kita tukar Perdana Menteri," katanya sambil berseoroh.

Kerajaan kini sedang menyemak semula skim gaji dan eluan tetap penjawat awam selepas ia kali terakhir dilaksanakan pada

tahun 2012.

Sebelum ini, Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menggesa kerajaan segera memperkenalkan kadar gaji minimum lebih baik untuk penjawat awam, tanpa menunggu hasil kajian dan pelaksanaan SSPA.

Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat dilaporkan berkata, langkah itu adalah penting bagi

membolehkan penjawat awam mampu bertahan dengan peningkatan kos sara hidup.

Dalam pada itu, Anwar memberitahu, Bayaran Insentif Awal SSPA akan disalurkan kepada penjawat awam pada 23 Februari ini membabitkan bayaran sebanyak RM2,000 kepada semua penjawat awam gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak.

Turut disalurkan sebanyak RM1,000 kepada semua jawatan utama sektor awam melibatkan polis, bomba, tentera, angkatan bersenjata dan seluruh anggota beruniform.

Bayaran insentif RM1,000 turut disalurkan kepada semua pesara kerajaan termasuk veteren berpencen serta veteran tidak berpencen.

Insentif itu diumumkan Perdana Menteri pada pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober tahun lalu.

Dalam pada itu, Anwar menegaskan, kerajaan tidak hanya membela nasib penjawat awam tetapi setiap lapisan masyarakat dengan memperkenalkan inisiatif baharu atau menambah inisiatif sedia ada.

Katanya, antara yang ditambah baik termasuk insentif pengeluaran getah, skim subsidi padi, harga lantai belian padi, Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: MAHASISWA TAMSILAN PEMIMPIN MASA DEPAN

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 09

TARIKH : 16/02/2024

Dalam Negeri

Utusan Malaysia
JUMAAT • 16 FEBRUARI 2024

9

Oleh PROF. DATO' GS. TS. DR.
MOHD EKHWAN HJ. TORIMAN


ZAMAN beralih, musim bertukar. Begitulah proses peredaran kehidupan yang sentiasa berevolusi lantaran ledakan perubahan ilmu pengetahuan yang mencorak peradaban sesebuah bangsa. Justeru, sebagai pentadbir ilmu, cabaran utama institusi pengajian tinggi adalah mengecilkan jurang pengetahuan yang wujud seiring evolusi teknologi, serta menyediakan kemahiran fleksibel yang tak lapan dek hujan dan tak lekang dek panas.

PERANAN GENERATIF AI SEBAGAI PEMBERI MAKLUMAT

Mengulas kenyataan Dato' Seri Diraja Dr. Zamby Abdul Kadir dalam temubual bersama *Utusan Malaysia* pada 13 Februari 2024, beliau sekali lagi mengingatkan semua akan keperluan institusi pengajian tinggi (IPT) untuk turut berkembang sejajar dengan zaman baharu dalam ekosistem pendidikan tinggi, yang mana antara lainnya melibatkan perkembangan pesat teknologi kecerdasan buatan (AI). Perkembangan teknologi ini membawa bersama perubahan dan impak yang berbeza, sekaligus menuntut kematangan dan fleksibiliti ekosistem pendidikan tinggi Malaysia untuk menghadapi revolusi digital yang berterusan.

Tidak menunggu untuk bereaksi terhadap revolusi digital ini, kita percaya, semua IPT telah bersiap siaga untuk menangani cabaran masa depan yang melibatkan

Mahasiswa Tamsilan Pemimpin Masa Depan



PERKEMBANGAN mahasiswa seiring teknologi terkehadapan.

integrasi teknologi AI dalam proses pembelajaran. Pemeriksaan kurikulum perlu dilaksanakan dalam mempersiapkan mahasiswa dengan kemahiran AI yang relevan, memberikan mereka kelebihan dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif dan terhubung. Kelebihan ini boleh membawa mahasiswa

lebih jauh dan tidak terangkum dalam peluang kerjaya yang semakin menipis.

Sementara cabaran berkaitan dengan perkembangan AI boleh dilihat sebagai kompleks, ia juga membuka peluang dan ruang untuk penambahbaikan dari pelbagai segi. Sepertimana dijalankan di sebuah

IPT di luar negara, ada diwujudkan program khusus dalam memastikan warganya bersinergi secara bijak, matang dan berilmiah dengan kecerdasan buatan. Tindakan yang seumpamanya juga sedang diambil di Malaysia di mana KPT dan IPT bersinergi untuk memastikan pendekatan yang menyeluruh dan strategik bagi menyemarakkan kecerdasan buatan dalam pendidikan tinggi. Hal ini sangat penting dalam usaha KPT menjenamakan semula mahasiswa di negara ini agar lebih progresif dan berdaya saing. Dengan menambahbaik kurikulum pendidikan tinggi sedia ada, Malaysia mampu menghasilkan graduan yang lengkap dengan kemahiran teknikal, kreativiti, dan pemikiran kritis untuk menghadapi cabaran dunia yang semakin terhubung ini.

Semestinya pindaan AUKU akan memberi kesan positif kepada mahasiswa. Sebagai contoh, pemberian autonomi kepada kepimpinan pelajar melahirkan produk sumber manusia masa hadapan yang lebih berketerampilan, berkeyakinan, mampu berdiskusi, kreatif dan inovatif serta mempunyai kemahiran sosial dan kepimpinan

yang tinggi. Semua ini penting sebagai persediaan mereka menyertai kumpulan masyarakat tempatan selain mengintai peluang kerjaya di peringkat global. Nilai kepimpinan perlu dipupuk sedari awal kerana mahasiswa hari ini adalah tamsilan pemimpin masa hadapan.

Perubahan teknologi AI juga bakal merimbulkan cabaran baharu yang perlu ditangani dalam undang-undang pendidikan tinggi. Pindaan AUKU perlu mengambil kira elemen-elemen yang mencerminkan realiti masa kini, terutama berkaitan dengan perlindungan hak mahasiswa dalam penggunaan teknologi AI. Ini termasuk isu-isu seperti hak privasi, etika penggunaan AI, dan tanggungjawab mahasiswa dalam era digital agar ianya lebih matang dan bersepada, serta tidak menekan hak-hak mahasiswa untuk turut berkembang dan beradaptasi dengan revolusi digital yang pesat. Dalam menghadapi cabaran ini, institusi pengajian tinggi di Malaysia dapat menjadi peneraju dalam mengubah sistem pendidikan untuk mempersiapkan mahasiswa menghadapi dunia yang semakin terpengaruh dan terhubung oleh AI.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: ADUAN, MAKLUM BALAS BAIKI BUDAYA KERJA PENJAWAT AWAM BERINTEGRITI

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 11

TARIKH : 17/02/2024

BH Sabtu, 17 Februari 2024

Komentar

11

Aduan, maklum balas baiki budaya kerja penjawat awam berintegriti



Oleh Muhammad Ikram Abdul Halim
bhrenanca@bh.com.my

Wabak rasuah sekian lama membarah di seluruh dunia hingga menjadi sistemik, se kali gus menceroboh ke setiap aspek aktiviti kehidupan. Setiap tahun, gejala rasuah merugikan ekonomi global RM17.02 trilion seperti dilaporkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Menurut bekas Pengerusi Transparency International, Delia Matilde Ferreira Rubio, pembudayaan nilai baik seperti integriti sebenarnya menjadi antara penawar ampuh.

Justeru, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil.6/2013 mengenai Penubuhan Unit Integriti di semua agensi pada 24 Julai 2013 yang kini diperlakukan di hampir setiap kementerian, jabatan dan agensi kerajaan pada peringkat Persekutuan atau negeri.

Sebaik mengambil alih tugas sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri terus menyeru seluruh jentera penjawat awam menjadikan islah sebagai asas pembangunan negara.

Islah bermakna mengembalikan sesuatu keadaan sedia ada kepada suatu keadaan betul, tepat dan sesuai, sekali gus menuntut usaha pembaikan berterusan. Dalam konteks perkhidmatan awam, definisi kalimat 'islah' dapat dizahirkan melalui pemerkasaan budaya kerja perkhidmatan awam ke arah lebih baik secara berterusan.

Pembudayaan nilai baik dalam perkhidmatan awam menjadi aspek utama sentiasa dititikberat-

kan. Usaha berterusan hingga melahirkan budaya kerja cemerlang perlu sentiasa disemai dalam jati diri penjawat awam kerana kecekapan sistem perkhidmatan awam sebagai cerminan kepada kekuatan dan keupayaan ekonomi negara.

Budaya kerja cemerlang

Budaya kerja cemerlang memperuntukkan tatacara dan etika kerja baik dari setiap peringkat sama ada pengurusan atasan atau pekerja bawahan. Melalui pembudayaan ini, kegiatan tidak bermoral seperti rasuah pastinya dapat dihindari.

Pembabitan orang awam sebagai penerima perkhidmatan juga menjadi pemangkin utama memperkasakan budaya kerja cemerlang perkhidmatan awam. Pengaduan dan inkuiri awam, maklum balas sama ada berbentuk pujian, semangat atau pandangan berterusan daripada penerima perkhidmatan perlu sentiasa diberikan perhatian serta diharungi supaya budaya kerja sedia ada terus diperbaiki.

Ini selaras Perkara 13 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah (UNCAC) memperuntukkan negara mempergiatkan usaha pembabitan kumpulan, selain sektor awam untuk bersama memerangi rasuah.

Hakikatnya, budaya kerja cemerlang ialah nadi dalam usaha memerangi rasuah melalui ketelusan dalam perkhidmatan dan keberkesanan terhadap penyampaian. Dalam hal ini, kerajaan melancarkan Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) bagi menggantikan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) serta Jawatankuasa Tatakelola di peringkat Disember 2023.

Objektif utama JKKTN adalah menjadi wadah meningkatkan kecekapan penyampaian perkhid-

matan awam melalui penekanan dalam prinsip tatakelola seperti kebertanggungjawaban, ketelusan dan keterangkuman.

Terkini, usaha memerangi rasuah dilihat mendatangkan hasil apabila menunjukkan peningkatan skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Transparency International. Pada 2023, Malaysia mencatat peningkatan tiga mata, iaitu 50 mata berbanding 47 mata pada 2022.

Ini melonjakkan Malaysia di kedudukan ke-57, berbanding 2022 (ke-61) daripada 180 negara. Pencairan ini menjadi motivasi kepada rakyat dalam memberikan pengharapan tinggi dan kesediaan terabit dalam usaha memerangi rasuah.

Matt Tenney dalam bukunya berkaitan kepemimpinan, iaitu *Serve to Be Great* menyatakan antara faktor utama menentukan budaya kerja organisasi dan penghasilan prestasi cemerlang adalah sejauh mana motivasi terhadap pekerja diberikan perhatian pengurusan.

Ini terkait dengan sejauh mana seseorang berasa perlu melakukan sesuatu tugas dengan cemerlang dan berpuas hati dengan setiap tindakan diambil, selain persekitaran pekerjaannya.

Kerajaan melalui JPA pada tahun lalu memulakan perancangan penting untuk memastikan kebajikan penjawat awam sentiasa terjaga, iaitu menyegerakan usaha mewujudkan sistem saraan baharu.

Harapan seluruh penjawat awam pastinya agar keputusan bakal diumumkan kelak dapat memberikan kelegaan dari sudut pendapatan, seterusnya meningkatkan motivasi mereka untuk lebih cemerlang.

Budaya kerja cemerlang melalui penyuburan nilai baik perlu menjadi keazaman setiap individu. Pemerkasaan budaya baik secara berterusan dalam perkhidmatan awam pastinya akan melahirkan iltizam tinggi menjauhi rasuah.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: 60 PERPUSTAKAAN DESA JADI PUSAT PENDAFTARAN TAMBAHAN PADU

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 11

TARIKH : 18/02/2024

NASIONAL | 11

SINAR 18/2 M² 11

60 perpustakaan desa jadi pusat pendaftaran tambahan PADU

PUTRAJAYA - Sebanyak 60 perpustakaan desa telah dijadikan sebagai pusat pendaftaran tambahan untuk Sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, ia merupakan usaha Jabatan Perangkaan (DOSM) menjalin kerjasama strategik dengan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bagi menambah kaunter fizikal dalam menggalakkan lebih ramai rakyat berdaftar dengan PADU.

"Sebanyak 60 perpustakaan desa adalah sebagai pusat pendaftaran tambahan untuk PADU di samping lebih 900 Pusat Ekonomi Digital (PEDi), Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

"Pendaftaran PADU akan dibuka hingga 31 Mac 2024. Rakyat Malaysia dinasihatkan agar tidak melaksanakan pengemaskinian PADU pada saat-saat akhir kerana ia akan mengakibatkan kesesakan pada sistem," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Bagi membantu pengemaskinian secara kendiri, orang ramai boleh menghubungi talian **hotline 1-800-88-7720 / 21** yang beroperasi bermula pada jam 8 pagi hingga 9 malam setiap hari.

Sebarang maklum balas, aduan, penghargaan, pertanyaan dan cadangan penambahbaikan berkenaan sistem serta mekanisme pelaksanaan PADU yang dilancarkan pada 2 Januari lepas, boleh disalurkan kepada Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) PADU <https://padu.spab.gov.my>. - Bernama



TAJUK: KEPERLUAN GRADUAN MILIKI KEMAHIRAN TAMBAHAN

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 16

TARIKH : 19/02/2024

16

Utusan Malaysia
ISNIN • 19 FEBRUARI 2024

Rencana

NOOR
MOHAMAD
SHAKIL HAMEED

MENDAPAT peluang pekerjaan dengan kadar gaji yang setimpal mengikut kelayakan dimiliki masih menjadi cabaran besar kepada golongan graduan di negara ini.

Hakikatnya ketika ini masih ramai dalam kalangan graduan terpaksa menerima apa saja peluang pekerjaan yang ada demi meneruskan kelangsungan hidup.

Situasi dilihat lebih meruncing kepada graduan yang bekerja di bandar besar dengan menerima kadar gaji di bawah paras kelayakan dimiliki kerana terpaksa mengharungi cabaran kos sara hidup tinggi mencakupi keperluan perbelanjaan makan, minum, sewa kediaman, pengangkutan, hutang pinjaman pendidikan serta keperluan untuk membantu keluarga di kampung.

Ironinya, antara punca yang dikenalpasti menyebabkan para majikan keberatan untuk memberi peluang kepada graduan baharu ialah kerana kekurangan kemahiran tambahan seperti kemahiran insaniah dan profesional yang diperlukan untuk melaksanakan tugas selari dengan tuntutan dan perubahan semasa.

Majikan dilihat kurang berminat untuk menyediakan peruntukan khas bagi melatih graduan baharu sebaliknya lebih selesa untuk mengambil graduan yang sudah sedia miliki pakej kelayakan yang dikehendaki, yakni kemahiran tambahan selain ijazah dalam bidang yang diperlukan.

Kita juga tidak boleh menafikan hakikat dan realiti semasa betapa negara sangat memerlukan tenaga kerja dari kalangan bakat tempatan yang berkemahiran tinggi dan kompeten dalam pelbagai aspek untuk memacu daya saing ekonomi Madani dan membangunkan negara menjadi negara berpendapatan tinggi.

Justeru, mahasiswa yang masih berada di universiti perlu cakna dan ambil serius keperluan dan tuntutan majikan supaya dapat melengkapkan diri dengan kemahiran tambahan yang diperlukan sebelum bergraduasi.

Majikan memerlukan pekerja yang memiliki kemahiran profesional yang khusus selain mampu

Keperluan graduan miliki kemahiran tambahan



MAHASISWA perlu cakna dan ambil serius keperluan dan tuntutan majikan. - UTUSAN

berkomunikasi dengan baik, memiliki pemikiran kritis dan berkeupayaan menyelesaikan masalah, boleh kerja berpasukan serta ada kemahiran kepimpinan supaya dapat memenuhi tanggungjawab yang bakal diamanahkan.

Agensi bakat terbesar di dunia, Ranstad dalam laporan prospek pasaran pekerjaan dan trend gaji 2024 di Malaysia menyenaraikan syarikat di negara ini sedang mencari bakat berkemahiran tinggi dalam bidang permainan, keselamatan siber, tenaga boleh diperbaharui dan analisis data.

Selain itu, pekerjaan membabitkan penggunaan kecerdasan buatan dan data besar untuk meningkatkan ketepatan akan mendapat permintaan yang tinggi dan peranan baharu ini dilaporkan akan menjadi semakin penting.

Jadi bakal graduan perlu memahami potensi seperti ini sekali gus berusaha untuk menambah kemahiran tambahan di samping ijazah yang ada supaya dapat menembusi pasaran kerja tersebut bila bergraduasi kelak.

Ironinya, majikan memerlukan bakat kompeten dan berkemahiran yang memiliki sijil kelayakan profesional dalam bidang-bidang spesifik seperti analisis

data kerana proses pembuatan keputusan berdasarkan data semakin dititikberatkan oleh semua organisasi bagi mencapai keputusan yang lebih tepat dan betul.

Harus diingat pihak kerajaan juga akan menggunakan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang menjadi pangkalan data utama negara yang selamat dan komprehensif ke arah digitalisasi dan penghasilan analitik yang tepat. Salah satu kepentingan PADU adalah memastikan rakyat yang layak mendapat manfaat tidak tercicir daripada menerima subsidi bersasar, bantuan dan perlindungan sosial. Ini menjelaskan kepentingan pengumpulan data serta kemahiran yang perlu dimiliki untuk menganalisis data dalam membuat sesuatu keputusan.

Oleh itu, mahasiswa perlu bijak menggunakan kesempatan yang ada ketika berada di kampus untuk meneroka dan menimba pelbagai kemahiran insaniah melalui aktiviti kokurikulum serta menambah kemahiran profesional dengan mengikuti kursus tambahan secara sampingan, selain lulus dengan cemerlang dalam bidang pengajian masing-masing.

Aktiviti kokurikulum seperti menganggotai badan beruniform atau kelab dan

persatuan boleh menjadi platform terbaik untuk mengasah bakat dan menimba pelbagai kemahiran insaniah yang diperlukan sekali gus melatih dan membentuk karakter yang diperlukan oleh majikan.

Untuk mendapatkan pensijilan profesional, mahasiswa perlu mengambil inisiatif mengikuti kursus-kursus tambahan berbentuk kemahiran teknikal spesifik yang ditawarkan sama ada di universiti maupun oleh organisasi luar. Mahasiswa perlu bijak memilih kursus pensijilan yang relevan dengan keperluan pasaran kerja semasa dan akan datang dan bukannya pilih mengikut minat semata-mata.

Mahasiswa harus sedar bilangan graduan yang semakin bertambah menyebabkan majikan mempunyai banyak pilihan, justeru kita perlu lebih fleksibel dan bijak beradaptasi sekali gus melengkapkan diri dengan kemahiran khusus dan unik supaya dapat bersaing dengan calon lain.

Dalam konteks ini, mengikuti Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) secara sambilan atau sejurus selepas bergraduasi juga wajar menjadi pilihan utama mahasiswa dan graduan baharu kerana permintaan dalam bidang kemahiran semakin

meningkat. Hakikatnya, graduan yang tidak mempunyai kemahiran serta literasi digital dalam TVET dilihat tidak akan bertahan lama dalam industri ekoran perkembangan teknologi terutamanya kecerdasan buatan (AI) yang akan mengakibatkan mereka menjadi kurang relevan dalam industri bagi tempoh 10 tahun lagi.

Pada masa sama, pihak universiti juga boleh terus memperkasa inisiatif untuk melahirkan bakat terbaik keperluan industri dan negara dengan menyediakan peluang mencukupi untuk mahasiswa menimba pelbagai kemahiran insaniah dan profesional ketika berada di kampus.

Misalnya, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) boleh menawarkan pelbagai program pensijilan profesional terutamanya kepada mahasiswa tahun akhir sama ada secara percuma atau dengan kadar kos berpatutan. Ini boleh dilakukan melalui kerjasama strategik dengan institusi latihan profesional lain yang ada kepakaran dalam bidang tertentu.

Ini juga selaras dengan salah satu fokus utama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambray Abdul Kadir pada tahun ini iaitu keperluan untuk IPT mengambil langkah terbaik bagi melatih dan menyediakan bakat terbaik buat negara. Untuk itu, setiap IPT perlu keluar dari kelaziman dan memberi perhatian serius terhadap proses pembentukan dan kemenjadian mahasiswa holistik yang boleh diglap menjadi bakat bernilai untuk negara.

Tuntasnya, mahasiswa atau bakal graduan dengan kerjasama pihak IPT perlu bijak melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran tambahan terkini yang diperlukan industri dan majikan supaya dapat menembusi pasaran kerja sekali gus meraih peluang pekerjaan dan menikmati gaji yang bersesuaian dengan kelayakan.

NOOR Mohamad Shakil Hameed ialah Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar Universiti Putra Malaysia.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: BIROKRASI TIDAK PERLU WAJAR DIMANSUH

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 05

TARIKH : 19/02/2024

Dalam Negeri

Birokrasi tidak perlu wajar dimansuh

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerenah birokrazi melibatkan perkhidmatan secara terus kepada rakyat yang tidak perlu, menyusahkan serta hanya melambatkan proses kerja perlu dimansuhkan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Borhan Dolah berkata, kerajaan wajib memberi keutamaan dalam melihat semula perkara tersebut.

“Sama ada proses kerja penjawat awam boleh diperbaiki dan dipercepatkan supaya rakyat mendapat perkhidmatan yang terbaik daripada kakitangan awam.

“Sistem dahulu mungkin manual sehingga kita (kaki-tangan awam) perlu buka fail, geran, membuat carian dan sebagainya tetapi sekarang kita sudah ada pangkalan data, sepututnya kita sudah boleh percepkan proses kerja.

“Di samping kita mempunyai sistem yang canggih, kita juga perlu ada prosedur operasi standard (SOP) dan dasar yang lebih baik serta mudah tetapi kekal selamat.

“Setiap kali kita ubah sistem kepada yang lebih baik, memang kita ikuti dengan satu prosedur baharu lebih baik, cepat dan mudah. Kita tidak boleh terikat dengan cara yang lama,” katanya ketika dihubungi.

Bagaimanapun, Borhan menegaskan birokrazi masih lagi diperlukan dalam perkhidmatan awam bagi memastikan terdapat proses semak dan imbang.

“Sistem kerajaan besar, jadi kita tidak memusatkan sesuatu kuasa kepada satu individu untuk memastikan sentiasa ada elemen semak dan imbang yang menjadi birokrazi tetapi jangan terlampau banyak.

“Hanya perlu dalam keadaan keadaan yang ada tujuannya sahaja supaya tiada isu salah guna kuasa,” katanya.

Baru-baru ini, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali mahu peraturan dan pekeliling lapuk yang masih terpakai dalam perkhidmatan awam ketika ini ditambah baik supaya ia sesuai dengan kehendak semasa.

Beliau mengarahkan KPPA, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) dan Ketua Pengarah Unit Penyelaras Pelaksanaan (KPICU) Jabatan Perdana Menteri supaya menyemak semula perkara itu.

Borhan berpendapat, semakan tersebut perlu dilakukan oleh semua agensi dan kementerian kerana ada peraturan yang merangkumi bidang dan spesifikasi di sesebuah kementerian.

“Saya rasa semua kementerian perlu lihat, bukan kepada KPPA, KSP dan KPICU sahaja.

“Kadang-kadang peraturan berkaitan tidak lapuk tetapi ia hendak dijajarkan semula bagi menyesuaikan ia dengan dasar kerajaan semasa,” katanya.

TAJUK: ANUGERAH SEBUAH PENGORBANAN

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 32

TARIKH : 19/01/2024

32 | AKADEMIA

HARIAN METRO

ISNIN 19 FEBRUARI 2024

AKADEMIA

FOTO IHSAN MUHAMMAD NUR AIMAN

FOKUS

Oleh Suliaty Asri
suliaty@hmetro.com.my

Kejayaan tidak akan datang bergolek. Di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Usaha dan cuba kuasai sehingga berjaya barulah dapat hasil yang terbaik.

Itulah rahsia kejayaan Muhammad Nur Aimani Mohd Zaini Effendi, 22, yang dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Pengarah dan Anugerah Kecemerlangan Akademik & Kokurikulum pada Istiadat Konvokesyen Politeknik Merlimau Melaka (PMM) Ke-21, tahun lalu.

Graduan Diploma Perakaunan, Jabatan Perdagangan yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.84 ini turut mengakui pengurusan masa sepanjang bergelar pelajar bukan sesuatu yang mudah.

Namun, ia adalah kunci kejayaan terutama baginya yang memikul tanggungjawab sebagai pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan anak.

Perjalanan Muhammad Nur Aimani menamatkan pengajiannya tidak semudah rakan-rakan lain.

Ini kerana, selain menjadi seorang pelajar dia juga perlu menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga ketika ayahnya diuji dengan masalah kesihatan sekali gus memerlukan penjagaan rapi.

Cerita Muhammad Nur Aimani, selepas sembuh dari demam denggi, ayahnya sekali lagi diuji dengan masalah kesihatan apabila disahkan sakit jantung dan perlu melakukan pembedahan 'bypass' serta terlantar di hospital.

Hal itu membuatkan dia tidak dapat menghadiri kuliah dan pulang ke rumah di Kuala Kubu Bharu, Selangor bagi menguruskan keluarga kerana adik-adiknya masih bersekolah.

Kata Muhammad Nur Aimani, apa yang menimpanya ayahnya ketika itu tidak sedikit pun menjadi beban, malah perkara itu membuatkan azamnya untuk belajar dan maju semakin kuat.

"Sebagai anak sulung, saya perlu menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga dan menjaga abah sehingga dia sembuh.

"Saya perlu kuat untuk keluarga dan ketika itu, abah lebih memerlukan saya dan nekad untuk



ANUGERAH SEBUAH PENGORBANAN

Graduan PMM peroleh CGPA 3.84 sekalipun bergelar pelajar, ketua keluarga selepas bapa diuji masalah kesihatan

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: LEBIH RAMAI PELAJAR TVET KE LUAR NEGARA

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 05

TARIKH : 19/02/2024

BH Isnin, 19 Februari 2024

Nasional

Lebih ramai pelajar TVET ke luar negara

Tokyo: Kerajaan berhasrat menghantar lebih ramai pelajar Malaysia mengikuti pengajian di luar negara dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), selaras dengan hasrat memperkasa sektor TVET tempatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata langkah itu adalah transformasi bakal dilakukan kerajaan dalam bidang TVET, selain bertujuan mengubah persepsi masyarakat bahawa mereka yang mengikuti pengajian itu adalah kalangan pelajar tercincir dalam akademik.

"Walaupun TVET sudah bermula sebelum merdeka, usaha kerajaan sebelum ini tidak dilakukan secara berfokus.

"Kita mahu menukar persepsi ibu bapa dan masyarakat bahawa bidang ini sebenarnya menjanjikan pekerjaan dan kerjaya yang lebih baik," katanya pada majlis ramah mesra bersama kira-kira 70 pelajar Malaysia di Jepun, semalam.

Ahmad Zahid yang juga Pengurus Jawatankuasa Majlis TVET



Ahmad Zahid bergambar bersama tetamu dan pelajar Malaysia di Jepun pada Majlis Makan Tengah Hari Timbalan Perdana Menteri Bersama Pelajar-Pelajar Malaysia di Jepun, semalam. (Foto BERNAMA)

Negara, berkata kerajaan turut mempertimbang menambah eluan sara hidup pelajar yang akan melanjutkan pengajian dalam bidang itu di luar negara termasuk Jepun.

Bagi memperkasa sektor TVET negara, Ahmad Zahid yang kini dalam rangka lawatan kerja tujuh

hari ke Jepun bermula kelmarin, berkata kerajaan berhasrat menransformasi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) sebagai universiti TVET utama di Malaysia.

Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah itu berkata, hala tuju TVET baharu akan diumum pada 2 Jun depan sempena Hari TVET

Negara.

Turut mengiringi Ahmad Zahid dalam lawatan kerja ke Jepun ialah Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zamby Abd Kadir dan Pengurus Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Asyraf Wajdi Dusuki.

BERNAMA

TAJUK: KHIDMAT RUNDING CARA KELUARGA BANYAK MANFAAT UNTUK UMMAH

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 17

TARIKH : 20/02/2024

Rencana

Utusan Malaysia
SELASA • 20 FEBRUARI 2024

17

Khidmat runding cara keluarga banyak manfaat untuk ummah

PANDANGAN IKIM

Oleh
Siti Fatimah
Abdul Rahman

KHIDMAT runding cara keluarga adalah salah satu perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) untuk umat Islam. Perkhidmatan ini ditawarkan melalui Unit Runding Cara yang menguruskan aduan rumah tangga dan kekeluargaan yang melibatkan isu pernikahan, perceraian, rujuk dan pelbagai aduan mengenai krisis rumah tangga.

Dalam kata-kata lain, sekiranya kita mengalami konflik rumah tangga dan tiada tempat untuk dituju bagi membantu kita keluar daripada permasalahan itu, kita boleh merujuk kepada Unit Runding Cara Keluarga untuk mendapatkan pandangan dan nasihat.

Untuk melihat sejauh mana masyarakat Islam memanfaatkan perkhidmatan ini, saya mendapatkan data runding cara keluarga daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dari 2018 hingga 2022 menunjukkan kepentingan perkhidmatan ini kepada ummah.

Melalui juga kita dapat mengenali dengan lebih dekat lagi profil pengadu atau klien perkhidmatan ini serta punca-punca mereka membuat aduan.

Dalam tempoh itu, terdapat 38,449 aduan (kes) yang memerlukan khidmat runding cara dari JAWI. Secara puratanya, Unit Runding Cara JAWI ini menyantuni lebih kurang 7,690 aduan setahun.

Angka ini menunjukkan bahawa perkhidmatan runding cara ini mempunyai pengadu atau klien yang ramai dan ini membuktikan bahawa perkhidmatan ini amat diperlukan oleh masyarakat Islam di Kuala Lumpur. Dengan adanya perkhidmatan ini, ia memberi peluang kepada masyarakat Islam untuk mendapatkan bantuan dalam menyelesaikan kekusutan yang berlaku dalam keluarga mereka.

Data lima tahun yang dirujuk menunjukkan bahawa



SESEBUAH perkahwinan mungkin boleh diselamatkan jika mendapat khidmat runding cara keluarga yang ditawarkan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bagi membantu pasangan yang berdepan krisis rumah tangga. - GAMBAR HIASAN

Dengan adanya perkhidmatan ini, ia memberi peluang kepada masyarakat Islam untuk mendapatkan bantuan dalam menyelesaikan kekusutan yang berlaku dalam keluarga mereka.”

dari segi jantina, kedua-dua lelaki dan perempuan mendapatkan perkhidmatan

ini. Namun, golongan perempuan lebih ramai yang mengambil inisiatif untuk mendapatkan khidmat runding cara ini.

Dari segi pendapatan, perkhidmatan ini dirujuk oleh pelbagai lapisan masyarakat, dari yang berpendapatan kurang dari RM2,000 sebulan hingga oleh mereka yang berpendapatan lebih dari RM10,000 sebulan. Namun, majoriti pengadu adalah mereka yang berpendapatan kurang dari RM2,000 sebulan (65.8 peratus). Ini mungkin ada kaitannya dengan hakikat bahawa perkhidmatan ini adalah percuma.

Maka, ia menjadi satu-satunya tempat untuk golongan yang berpendapatan rendah mendapatkan nasihat dan pandangan berkaitan konflik keluarga yang dihadapi.

Dari segi umur, data menunjukkan bahawa perkhidmatan runding cara

yang berkahwin lebih dari 50 tahun. Namun, majoriti pengadu terdiri dari mereka yang berkahwin selama 6 hingga 10 tahun (32.4 peratus) diikuti oleh mereka yang berkahwin antara 1 hingga 5 tahun (22.1 peratus).

Dari segi jenis-jenis aduan (punca masalah atau konflik), terdapat beberapa kategori aduan yang direkodkan seperti campur tangan pihak ketiga, kurang penghayatan agama, masalah akhlak atau sosial, ekonomi, kerjaya, kesihatan, komunikasi, masalah seksual, perbezaan latar belakang dan tidak bertanggungjawab.

Namun, untuk lima tahun tersebut, tiga jenis aduan yang tertinggi ialah masalah akhlak atau sosial (14,131 aduan), tidak bertanggungjawab (10,083 aduan) dan masalah komunikasi (6,848 aduan).

IMPLIKASI

Penemuan-penemuan ini mempunyai beberapa implikasi. Pertama, perkhidmatan runding cara keluarga JAWI ini amat diperlukan oleh masyarakat Islam di Kuala Lumpur yang berhadapan dengan konflik rumah tangga dan tiada tempat lain yang boleh dituju untuk mendapatkan pandangan dan nasihat.

Kedua, profil pengadu perempuan, berpendapatan RM4,000 dan ke bawah, berusia antara 31 hingga 40 tahun; berpendidikan SPM/SPVM atau yang setaraf dan berkahwin selama 6 hingga 10 tahun menunjukkan bahawa mereka inilah yang berpotensi tinggi untuk menghadapi konflik rumah tangga dan memerlukan bantuan untuk menyelesaikan konflik mereka.

Maka, kursus pasca perkahwinan, sekiranya dilaksanakan, perlu mensasarkan golongan ini sebagai peserta agar ilmu yang diperoleh dalam kursus-kursus itu dapat mempersiapkan mereka untuk menjauhi perkara-perkara yang boleh menimbulkan konflik dalam keluarga atau membantu mereka untuk menyelesaikan konflik-konflik tersebut.

Data tempoh itu juga menunjukkan bahawa khidmat runding cara keluarga ini dimanfaatkan oleh mereka dari tempoh perkahwinan yang pelbagai, dari yang baru berkahwin (kurang setahun) hingga

USAHA MARTABATKAN MAHKAMAH SYARIAH

Kesepakatan menegak dan memperkasa syariat Islam



Bersama
Sahibus Samahah
Datuk Dr Luqman
Abdullah

Keputusan Mahkamah Persekutuan pada 9 Februari 2024 yang mengisyiharkan bahawa 16 kesalahan syariah dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 adalah terbatal dan tidak sah dalam kes Nik Elin Zurina lawan Kerajaan Negeri Kelantan menimbulkan banyak reaksi pelbagai pihak.

Keputusan berkaitan sebenarnya menunjukkan realiti konflik perundungan di negara kita, antara undang-undang persekutuan dengan bidang kuasa negeri. Ia adalah satu konflik yang sudah lama berlaku dalam sistem perundungan di negara kita.

Hakikatnya, perkara ini sudah pun diberi perhatian sebelum ini oleh pelbagai pihak, khususnya yang berkaitan undang-undang syariah dan memang sudah ada usaha ke arah penambahbaikan bukan sahaja dalam isu konflik perundungan ini bahkan keseluruhan isu yang berkait undang-undang dan mahkamah syariah. Malah, keputusan Mahkamah Persekutuan yang diputuskan baru-baru ini seharusnya menjadi penggerak ke arah satu usaha lebih serius dalam usaha penambahbaikan sedia ada. Oleh itu, semua pihak perlu mengambil bahagian dalam usaha ini agar perundungan syariah dan kedudukan mahkamah syariah akan terus ditambahbaiki kedudukannya di negara kita.

Hakikatnya, sebelum kes ini diputuskan, kerajaan sudah menubuhkan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam yang dipengerusikan oleh Tun Zaki Tun Azmi, mantan Ketua Hakim Negara. Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk mengkaji isu yang berkaitan dengan kompetensi DUN dalam penggubalan undang-undang Islam serta bidang kuasa mahkamah syariah. Jawatankuasa ini akan membentangkan laporan kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan Majlis



UMAT Islam dinasihatkan tidak berbalah dan mempolitikkan setiap isu yang melibatkan agama Islam.

Raja-Raja. Ia adalah satu kesinambungan daripada usaha berterusan untuk meningkatkan kedudukan mahkamah syariah dan hal berkaitan perundungan syariah.

Malah, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj selaku Pengurus Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) sempena Mesyuarat MKI kali Ke-71 pada 15 Februari 2024, bertitah supaya semua pihak harus menghormati keputusan Mahkamah Persekutuan dan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang utama negara. Baginda meminta untuk mencari jalan bagi mengatasi permasalahan yang timbul termasuk mengkaji keperluan meminda undang-undang atau Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan bagi memastikan kuasa Badan Perundungan Negeri untuk

menggubal undang-undang jenayah syariah termaktub secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan.

Baginda juga menasihatkan supaya umat Islam tidak perlu berbalah dan mempolitikkan setiap isu yang melibatkan agama Islam. Baginda menyeru umat Islam agar terus memperkuuhkan komitmen terhadap perpaduan dan ukhuwah yang menjadi teras kepada kemajuan negara.

Saranan itu disambut baik Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan mengharapkan supaya semua pihak menjunjung titah Sultan Selangor. Perkara yang sama juga disarankan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Dalam usaha murni penambahbaikan undang-undang syariah dan mahkamah syariah ini, institusi fatwa akan sentiasa menyokong dan membantu

terutamanya dalam aspek-aspek penyelidikan hukum. Input teknikal dari segi hukum syarak adalah bidang kepakaran institusi fatwa yang akan memastikan usaha penambahbaikan ini dapat menghasilkan undang-undang dan peraturan yang selari dengan hukum syarak.

Dalam hal ini, masyarakat perlu bersama-sama menyokong usaha ke arah pemerkasaan berterusan sehingga mahkamah syariah dapat dimartabatkan sepenuhnya dan tidak dijadikan bahan politik yang tidak membantu proses pemerkasaan ini. Sebarang idea dan buah fikiran yang jernih boleh disalurkan kepada pihak berkaitan supaya pemerkasaan ini dapat direalisasikan dalam negara kita.

Penulis Mufti Wilayah Persekutuan



KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PELAN INTEGRITI TUMPU PEMBUDAYAAN

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 05

TARIKH : 20/02/2024

BH Selasa, 20 Februari 2024

Nasional

5

Panduan tatakelola bebas rasuah

Pelan integriti tumpu pembudayaan

NACP 2019-2023 lebih fokus semai jati diri dalam setiap lapisan masyarakat

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelan integriti yang akan diperkenalkan kerajaan untuk panduan tatakelola bebas rasuah kepada semua entiti dalam sektor awam dan swasta, akan memberi lebih tumpuan kepada elemen pembudayaan berbanding lebih bersifat pencegahan ketika ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM), Datuk Nor Yahati Awang, berkata pelan sedia ada seperti Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 lebih fokus kepada aspek pencegahan rasuah yang lebih bersifat pencegahan.

"Berbeza dengan pelan baharu nanti, ia akan lebih bersifat pembudayaan supaya integriti dapat disemai dalam jiwa setiap lapisan masyarakat di Malaysia," katanya.

Mengenai kepentingan integriti dalam urus tadbir dan per-

niagaan sektor swasta, yang turut menjadi 'wajah' Malaysia dalam menarik pelaburan, katanya, nilai integriti dan tatakelola baik mampu memberi impak positif, terutama meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan mendapatkan kepercayaan pelabur asing.

Nor Yahati berkata, Laporan *World Bank's Doing Business 2020* yang meletakkan Malaysia di tempat ke-12 dalam kalangan 190 ekonomi global dan kedua di Asia Tenggara membuktikan sektor swasta memainkan peranan penting dalam usaha pembudayaan integriti.

Dengan skor 81.5 peratus, katanya, ia membuktikan Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk mewujudkan semula keyakinan seluruh dunia terhadap tadbir urus negara.

"Kita juga boleh berbangga dengan pencapaian negara melalui *IMD World Competitiveness Yearbook*, yang mana Malaysia berjaya berada pada tangga ke-14 pada 2023 berbanding ke-27 pada 2022.

"Pencapaian positif ini dapat membantu negara meningkatkan kecekapan dan kesiapsiagan bertindak balas dalam penyampaian perkhidmatan awam dan seterusnya mencapai kedudukan 10 negara terbaik di dunia," katanya.

Bagi memastikan pemantapan integriti dan tatakelola dalam or-

ganisasi dilaksanakan berterusan, beliau menggesa organisasi kerajaan dan swasta untuk sama-sama berganding bahu membangunkan integriti.

"Organisasi kerajaan, swasta turut digalak sentiasa cipta budaya kerja, praktik nilai etika dan kepimpinan bertanggungjawab. Selain itu, patuh peraturan, perundangan dan amalan terbaik, wujudkan dan nilai secara rutin dasar serta proses organisasi selari nilai integriti dan tatakelola baik," katanya.

NACP 2019-2023 dilancarkan pada 2019 oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) berkaitan rasuah.

Pada tahun pertama, sebanyak 29 inisiatif berjaya diselesaikan, namun hanya lapan inisiatif dislesaikan sepanjang 2020 dan 2021. November lalu, hanya kira-kira 62 peratus daripada 115 inisiatif NACP 2019-2023 dilaksanakan, sekali gus pelan itu tidak sempat dilaksanakan secara keseluruhan.

Nor Yahati berkata, elemen da-

lam pelan integriti yang akan diperkenalkan nanti akan dijadikan dengan elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), terutama berkaitan sosial dan tadbir urus, selain turut mengambil kira elemen Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

"SDG diambil kira supaya matlamat pembangunan mampan di peringkat global dapat dicapai menerusi aspirasi di peringkat nasional. Sejak aspirasi Perdana Menteri untuk mengangkat semula martabat manusia menerusi penekanan manusawi, pelan baharu ini akan lebih menekankan elemen kemanusiaan."

"Ia untuk memupuk manusia ke arah cita-cita integriti yang luhur berteraskan beberapa nilai MADANI yang terdapat di dalamnya," katanya.

Inti pati 4 perkara utama

Ketika membentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) September lalu, Datuk Seri Anwar Ibrahim Menteri mengumumkan Akta Tatakelola Sektor Awam dan Pelan Integriti akan diperkenal sebagai panduan tatakelola bebas rasuah kepada semua, baik sektor awam maupun swasta.

Ia sebahagian daripada inti parti empat perkara utama yang dirumuskan kerajaan sebagai iltizam untuk melaksanakan islah dalam perkhidmatan awam.

Ketika peluncuran 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat' pada 27 Julai 2023 pula, kerajaan menetapkan tujuh penanda aras sebagai sasaran jangka sederhana mahu dicapai dalam tempoh 10 tahun, termasuk sasaran menyaksikan negara pada kedudukan 25 terbaik dunia Indeks Perspektif Rasuah (CPI).

Nor Yahati mengakui cabaran membentuk dan mengekalkan amalan integriti yang baik, terutama dalam sektor awam sememangnya berat untuk dipikul kerana saiz organisasi awam dan bilangan kakitangannya yang besar.

"Bagaimanapun, IIM sentiasa komited membudayakan integriti melalui program bersama sektor awam, antaranya dengan pelaksanaan Sambutan Bulan Integriti Nasional 2023 yang diadakan sepanjang November lalu.

"Selain itu, IIM menyokong saranan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali supaya semua ketua setiausaha kementerian dan setiausaha bahagian membuat semakan ke atas Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) kementerian dan kerajaan negeri sekurang-kurangnya sekali setahun," katanya.



Nor Yahati Awang

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: LAWATAN KERJA KE TOKYO PERKASA TVET

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 03

TARIKH : 21/02/2024

Lawatan kerja ke Tokyo perkasa TVET

21/02/24 M53 13/4

Tokyo: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyifatkan lawatan kerja beliau selama empat hari ke Tokyo memberi manfaat besar kepada Malaysia dalam pelbagai bidang terutama bagi sektor Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, selain itu Malaysia juga mendapat faedah dalam aspek pendigitalan apabila berpeluang bertemu dua syarikat terkemuka dunia dalam bidang itu pada lawatan berkenaan.

"Lawatan hari terakhir di Tokyo ini memberi keberhasilan bukan hanya dalam bidang TVET, tetapi pelbagai bidang lain terutama apabila dua syarikat dalam bidang pendigitalan dan bertaraf dunia memberi input (bagaimana data raya boleh membantu) dalam isu perubahan iklim dan perubahan global," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media Malaysia selepas mengadakan pertemuan dengan Menteri Pendidikan, Kebudayaan, Sukan, Sains dan Teknologi Jepun, Masahito Moriyama di sini, semalam.

Turut mengiringi Ahmad Zahid dalam lawatan kerja ke Jepun itu ialah Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambyr Abd Kadir dan Pengurus Majlis



Ahmad Zahid ketika mengadakan pertemuan bersama Dr Moriyama serta sesi Taklimat Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional di Tokyo, semalam.
(Foto BERNAMA)

Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Ahmad Zahid yang tiba di sini pada Sabtu lalu, sebelum ini mengadakan lawatan ke Institut Teknologi Nasional, Kolej Tokyo (Tokyo KOSEN) bagi mempelajari Model KOSEN.

Model KOSEN menekankan konsep pembelajaran TVET lebih menyeluruh dan terangkum dengan menyediakan laluan pembelajaran selama lima tahun kepada pelajar cenderung memilih bidang itu seawal usia 15 tahun.

Kelmarin, Ahmad Zahid dianugerahkan Ijazah Kedoktoran Ke-hormat Kejuruteraan daripada Institut Teknologi Shibaura (SIT)

sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan beliau dalam pengukuhan kerjasama pendidikan teknikal Malaysia-Jepun.

Penganugerahan itu berikutan usaha berterusan Ahmad Zahid yang juga Pengurus Jawatankuasa Majlis TVET Negara, bagi memastikan TVET terus menjadi platform meningkatkan kemahiran pelajar dan pengukuhan jalinan kerjasama industri kedua-dua pihak.

Selain itu, Ahmad Zahid turut menyaksikan pemeteraian Perjanjian Kerjasama Perkongsian Inovasi antara MyDIGITAL Corporation dan Toshiba Digital Solutions Corporation bagi aplikasi

teknologi data raya, serta melawat NEC Super Tower.

Mengulas mengenai bidang TVET, Ahmad Zahid berkata, bukan saja Kementerian Pendidikan Tinggi, malah Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang mempunyai institusi TVET perlu melakukan tindakan susulan terhadap pendedahan diperoleh dalam lawatan kerja itu.

"Begitu juga empat Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia yang terbabit dalam pendidikan teknikal, perlu dikoordinasikan bagi meningkatkan taraf TVET dengan bidang baharu yang digunakan dalam sistem pendidikan teknikal di Jepun," katanya.

TAJUK: PERSIAPAN GRADUAN GEN-Z

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 14

TARIKH : 22/01/2024

14

www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

Khamis 22.02.2024 | Harian Metro

mind

PASARAN KERJA - KUASAI KEMAHIRAN INSANIAH

Persiapan graduan Gen-Z

Bersama
Dr Maria
Mohd Ismail

Dr Hanira
Hanafi

Dr Siti Nur
Edlyn Nadia
Zuraiju

M

Graduan perlu bersiap siaga menguasai kemahiran insaniah semasa dalam tempoh pengajian agar dilihat sebagai seorang yang berkemahiran tinggi

emegang segulung ijazah dengan mengenakan jubah konvokesyen dipadankan dengan *mortar board* di atas kepala adalah impian mahasiswa sama ada universiti awam maupun swasta.

Bagaimanapun, tahukah graduan terhadap cabaran yang sedang menanti mereka untuk melangkah masuk ke alam pekerjaan? Dimensi cabaran pekerjaan Gen-Z hari ini ternyata berbeza dengan generasi sebelumnya.

Landskap pekerjaan yang dinamik memberi tekanan kepada graduan terutama isu gaji rendah pada era teknologi moden dan kos sara hidup yang tinggi, keperluan kemahiran insaniah yang menjadi kau ukur pekerjaan dan peluang pekerjaan yang rendah mengikut kelulusan serta kemahiran graduan dilihat antara cabaran pekerjaan yang membenggu graduan pada masa ini.

Isu gaji rendah masih lagi kekal menjadi cabaran kepada graduan yang baharu dalam bidang pekerjaan lebih-lebih lagi dalam sektor swasta. Sebelum ini pernah dilaporkan oleh Tinjauan Ekonomi 2024, lebih 70 peratus daripada graduan yang bekerja memperoleh gaji di bawah RM2,000 sebulan. Perkara ini turut melibatkan graduan yang berkelulusan profesional seperti peguam, aktauntan dan juruterma.

Isu ini perlu dipandang serius kerana peningkatan kos sara hidup lebih-lebih lagi di bandar menyebabkan pekerja terpaksa membelanjakan hampir keseluruhan gaji mereka untuk perbelanjaan asas dan tidak mampu menyimpan sehingga menjelaskan perlindungan keselamatan sosial mereka kelak.

Di peringkat kerajaan, terdapat beberapa akta (Akta Kerja 1955 [Akta 265], Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262]) yang bertujuan mengawal

selia penetapan dan pembayaran gaji kepada pekerja. Namun, isu gaji rendah masih lagi dibenggu oleh kebanyakan pekerja pada hari ini. Usaha berterusan kerajaan masih lagi diteruskan melalui Dasar Gaji Progresif yang dibentangkan akhir tahun lalu.

Melalui dasar ini, pihak kerajaan akan menyediakan insentif berbentuk tunai yang akan dibayar mengikut kadar dan kumpulan pekerja. Dasar Gaji Progresif ini bertujuan meningkatkan gaji dan mencapai pengagihan pendapatan yang lebih seimbang. Usaha itu diharapkan dapat menyelesaikan masalah gaji yang rendah, namun dasar yang bersifat sukarela ini hanya dapat direalisasikan dengan penyertaan dan sokongan yang padu daripada majikan.

Selain isu gaji rendah, cabaran peluang pekerjaan yang tidak sepadan dengan ijazah dimiliki graduan dilihat sebagai cabaran utama mengapa graduan kini lebih gemar memilih pekerjaan gig seperti pemandu p-hailing, e-hailing atau pekerjaan tidak formal. Pekerjaan gig yang tidak memerlukan pencapaian akademik yang tinggi dan waktu kerja yang rigid seperti menggunakan sistem *clock-in* dan *clock-out* semestinya menarik minat graduan untuk mengungguli sektor ini.

Isu ketidaksepadanan pekerjaan dan kemahiran mempunyai kesan negatif bukan sahaja kepada individu yang

tidak dapat menjana pendapatan tinggi setimpal dengan ijazah yang dimiliki bahkan menjadi penyumbang kepada kelembapan ekonomi dan kemajuan negara apabila negara kekurangan tenaga kerja mahir dan profesional. Faktor kekurangan pekerjaan dan ketidaksepadanan kemahiran justeru dilihat sebagai *push factor brain drain* keluar negara untuk mendapatkan pekerjaan dengan gaji lebih tinggi sepadan dengan kemahiran dimiliki.

Cabaran pekerjaan graduan masa kini juga diukur melalui penguasaan kemahiran insaniah. Kebanyakan industri pada hari ini tidak hanya menekankan penguasaan kemahiran teknikal semata-mata tetapi juga memerlukan graduan yang mewajibkan pelajar menjalani latihan industri dalam tempoh pengajian kebiasaannya di tahun akhir bagi membolehkan mereka mengaplikasi kemahiran insaniah selain dari kemahiran teknikal.

Dalam satu kajian dijalankan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), hasil dapatan kajian menunjukkan antara faktor mengapa graduan kurang mendapatkan pekerjaan yang dipohon disebabkan kurang berkemahiran.

Pembentukan kemahiran insaniah mestilah di mulai di peringkat awal sekolah dan berterusan di setiap peringkat pendidikan.

Selain itu, institusi pendidikan haruslah bekerjasama dengan pihak industri dalam mengenal pasti keperluan kemahiran insaniah yang diperlukan oleh pekerja masa kini selain keperluan teknikal agar mahasiswa dapat diterapkan dengan kemahiran insaniah yang lebih berdaya saing.

Penulis Dr Hanira Hanafi Pensyarah kanan di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Dr Maria Mohd Ismail Pensyarah Kanan dari Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Pengajian Pembangunan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi dan Dr Siti Nur Edlyn Nadia Zuraiju adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

dialog kotaraya oleh juragan



AJUK: JANGAN JADIKAN ALLAH DAN RASUL SEBAGAI BAHAN GURAUAN

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 15

TARIKH : 22/01/2024

Harian Metro | Khamis 22.02.2024

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 15

addin

JENAKA BIAR BERPADA

Jangan jadikan Allah dan Rasul sebagai bahan gurauan

Bersama
Amirulhakim
Ahmad Nadzri

Dalam pepatah Inggeris ada menyebut *laughter is the best medicine* yang menyifatkan bahawa terdapat penawar pada ketawa. Ia tidak dinafikan dari sudut psikologi ketawa dapat mengubat hati yang resah dan sedih menjadi gembira. Oleh itu, ketawa boleh menjadi ubat kepada kesakitan emosi yang bersifat dalaman.

Agama Islam tidak melarang umatnya daripada berjenaka dan tertawa. Nabi Muhammad SAW mempunyai sifat fitrah seperti manusia lain yang cenderung kepada terhibur lantas tertawa dengan jenaka orang lain. Bagaimanapun, berjenaka ini perlu dibatasi dalam ruang lingkup tertentu supaya tidak keterlaluan.

Dewasa ini, terdapat ramai orang yang menampilkan bakat dalam seni komedi yang menjadikan jenaka sebagai kandungan temsa sesuaian filem atau drama, malah individu juga menampilkan jenaka dalam media sosial masing-masing sekali gus dapat menarik ramai pengikut. Kemampuan dalam menghasilkan idea kreatif dalam berjenaka menjadikan pempengaruh ini menjadi ikon dalam dunia jenaka.

Namun, kadangkala kandungan dalam berjenaka ini tersasar daripada batas yang sepatutnya. Hal ini tanpa disedari berlakunya persendaan kepada agama. Trend menggunakan agama sebagai bahan jenaka sebenarnya menjadi kebiasaan di negara Barat melalui filem, rancangan televisyen, nyanyian dan pentas komedi. Lahirnya trend ini kesan pengaruh sekularisme menjadikan agama bukan lagi sebagai suatu yang suci.

Dalam al-Quran ada menjelaskan berkaitan kedudukan orang yang mempersendakan dan mengejek-ejek agama seperti dalam **Surah at-Taubah ayat 65** yang bermaksud: "Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: 'Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main. Katakanlah: Patutkah nama Allah dan



MEMPERSENDIAGAMA termasuk mempermainsyariat Islam, meremehkan ayat al-Quran dan mengejek gaya hidup umat Islam.

ayat-Nya serta Rasul-Nya kamu memperlok-lolok serta mengejeknya."

Prof Dr Wahbah al-Zuhaili dalam kitab *Tafsir al-Munir* mengatakan perbuatan mempersendakan agama adalah dilarang dalam mana-mana syariat sebelum ini. Orang yang suka mempersendakan agama tidak lain tidak bukan adalah orang yang hatinya cintakan keduniaan dan tidak mengetahui apa pun selain keduniaan. Ia menjadi lebih parah apabila perbuatan ini menjerumuskan pelaku ke dalam lembah kekafiran dek terhalang daripada melakukan kebaikan yang lain.

Menurut Ibn Hajar al-Haitami, perbuatan mempersendakan agama suatu bentuk dosa besar. Perbuatan ini termasuk mempersendakan nama Allah SWT atau Nabi SAW dan mempermainsyariat perintah dan larangan-Nya. Ia boleh dicontohkan apabila seseorang itu berkata: "Jika Allah memerintahkan kepadaku begini dan begitu maka tidak akan aku lakukan" atau "Jika kiblat arahnya sedemikian tidak akan aku solat menghadapnya" dan sebagainya daripada bentuk yang mempersendakan agama. Selain itu, Imam an-Nawawi mengutarkan pandangan yang keras dalam mempersendakan agama iaitu mereka yang melakukannya boleh membawa

kepada murtad.

Oleh itu, dalam kesempatan ini, penulis menampilkan batas berjenaka yang digarisikan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) yang boleh dijadikan panduan bersama. Antara batas berjenaka yang pertama adalah tidak menjadikan Allah SWT dan agama-Nya sebagai bahan jenaka sehingga ia kelihatan memperlok dan menghina. Ia termasuk mempermainsyariat Islam, meremehkan ayat al-Quran dan mengejek gaya hidup umat Islam. Perlu diperhatikan juga, larangan ini juga tidak terhad kepada mempersendakan agama Islam sahaja, ia termasuk agama lain seperti yang dinyatakan dalam **Surah al-An'an ayat 108** yang bermaksud: "Dan janganlah kamu cerca benda yang mereka sembah yang lain daripada Allah kerana mereka kelak akan mencera Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan ilmu."

Batas yang kedua adalah komedi atau parodi yang yang dilakukan tidak sampai menghina atau mengejek orang lain. Hal ini termasuk menjadikan peribadi, warna kulit, bentuk tubuh dan bangsa sebagai bahan jenaka.

Batas yang terakhir adalah segala dalam aksi, penulisan dan ilustrasi komedi, penggiat seni perlu mengelak daripada

bentuk yang berunsurkan penipuan serta rekaan. Hal ini termasuk mereka-reka cerita yang tidak wujud tentang orang lain, menyampaikan cerita-dusta dan tidak benar tentang sesuatu isu yang berlaku. Hal ini seperti dalam hadis baginda SAW daripada **Riwayat Abu Daud** yang bermaksud: "Celakalah buat seseorang yang menceritakan sesuatu cerita dengan tujuan membuat sesuatu kaum ketawa maka dia berdusta. Celakalah buatnya."

Kesimpulannya, dalam dunia yang tiada sempadan ini, sempadanilah diri dengan batasan yang digarisikan syarak terutama dalam aktiviti berjenaka. Walaupun jenaka yang kita lakukan itu tidak berniat untuk mempersendakan agama, namun perbuatan yang lahir itu mempersendakan agama dan ia amat dilarang sama sekali. Justeru, kita perlu berhati-hati dalam mengeluarkan satu kandungan dalam berjenaka agar tidak jatuh ke lembah dosa, fitnah dan yang lebih berat adalah murtad. Dikhawatir jika tidak dibendung, masyarakat akan menormalisasikan jenaka dalam perkara yang dilarang khususnya dalam mempersendakan agama.

Penulis Ketua Jabatan Syariah Islamiyah, Kolej Islam As Sofa



AL-HAQ
Sehari sepotong ayat

"Dan bulan apabila (penuh cahayanya) menjadi purnama."

(Surah al-Insyiqaaq, ayat 18)

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PENYELIDIKAN IPT PERLU SELARI KEPERLUAN INDUSTRI

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 02

TARIKH : 22/02/2024

Utusan Malaysia
KHAMIS • 22 FEBRUARI 2024 | 2

Malaysia terus ketinggalan hasil penyelidikan?

Oleh AHMAD FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Banyak pihak mempersoalkan kejayaan daripada RM1.2 bilion dana penyelidikan yang diperuntukkan kerajaan sejak tiga tahun lalu dalam melonjakkan pertumbuhan pelbagai sektor di negara ini. Kementerian Pendidikan Tinggi serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memperuntukkan RM400 juta pada 2021, RM423 juta (2022) dan RM428 juta (Belanjawan 2023), antara peruntukan tersebut diberikan kerajaan.

Laporan Harta Perbadanan Intelek (MyIPO) menunjukkan hanya 1,806 produk penyelidikan dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) didaftarkan atau dipatenkan sejak 2018 sehingga Ogos 2023. Kementerian serta agensi kerajaan pula telah menghantar 1,127 produk penyelidikan untuk didaftarkan atau dipatenkan dalam tempoh sama.

Presiden Majlis Profesor Negara (MPN), Profesor Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose berkata, kecenderungan kan ketika ini kepada tujuan majuan kerjaya bersama-sama.

UTUSAN Malaysia
19 Februari 2024.

Penyelidikan IPT perlu selari keperluan industri

Oleh MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS
utusannews@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu mengenal pasti keperluan industri dan membuat penyelidikan yang boleh menyelesaikan sesuatu isu yang dikehendak industri. Dengan itu hasil penyelidikan tersebut boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan produktiviti atau perkhidmatan dalam industri dan akhirnya memberi nilai tambah kepada kesejahteraan rakyat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapa Samud berkata, penyelidikan yang menepati keperluan industri adalah penting supaya usaha tersebut tidak berakhir di rak atau perpustakaan semata-mata.

"Bagi saya ini adalah *wake up call* kepada kita semua terutama kepada institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) agar melihat kembali keberkesanannya penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dibuat selama ini.

"Saya secara peribadi fikir kita kena buat intervensi untuk me-

mastikan R&D dapat menyelesaikan permasalahan yang berlaku terhadap rakyat di negara ini. Pensyarah perlu mencari penyelidikan yang dapat membantu menyelesaikan masalah," kata beliau selepas Majlis Anugerah Sukan UiTM 2023 di Universiti Teknologi Mara (UiTM) malam kelmarin.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan pemain industri didakwa lebih berminat memilih hasil penyelidikan negara luar sehingga mengakibatkan banyak kajian IPT tempatan dipandang seperti walaupun berkualiti tinggi.

Malah berdasarkan laporan Harta Perbadanan Intelek (MyIPO) hanya 1,806 produk penyelidikan IPTA didaftarkan atau dipatenkan sejak 2018 sehingga Ogos 2023.

Dalam pada itu, Mustapa bercadang memanggil wakil universiti dan industri untuk bersama bagi membincangkan jenis penyelidikan yang diperlukan supaya lebih banyak usaha dapat dilakukan dalam memenuhi keperluan mereka.

"Terdapat beberapa kes yang mana hasil penyelidikan dibuat universiti tempatan diterima oleh pihak luar negara. Apabila

penyelidikan itu diterima, baru pihak industri buka mata dan mahu menggunakan hasil penyelidikan itu.

"Apapun, saya harap selepas ini pihak industri boleh mencari hasil penyelidikan universiti tempatan terlebih dahulu sebelum mencari hasil penyelidikan luar negara," ujarnya.

Sementara itu, Presiden Majlis Profesor Negara (MPN), Profesor Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose menyarankan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperkenalkan polisi baharu berkaitan permasalahan tersebut.

Menurutnya, universiti perlu bekerjasama dengan industri untuk menghasilkan penyelidikan yang diperlukan sebagai syarat untuk memperoleh dana penyelidikan daripada kerajaan.

"Justeru, universiti hanya akan melakukan penyelidikan yang diperlukan pihak industri.

"Saya rasa pihak industri pun akan bersetuju dengan dasar sedemikian. Dalam masa sama, saya harap kerajaan boleh memperkenalkan insentif pelepasan cukai kepada pihak industri yang menyertai aktiviti penyelidikan bersama universiti," jelasnya.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: GRADUAN KENA MANFAAT NILAI MANUSIAWI SAINGI AI

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 11

TARIKH : 22/02/2024

Graduan kena manfaat nilai manusiawi saingi AI

BH 22/2/24 MS 11

Oleh Shafry Salim
bhrencana@bh.com.my



Timbalan Pengarah, Pusat Kepimpinan dan Kompetensi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Dalam landskap pasaran kerja kontemporer berkembang pesat, graduan universiti kini berhadapan dengan persaingan hebat dalam dunia kerjaya, iaitu teknologi kecerdasan buatan (AI). Pembangunan teknologi termaju hari ini berkembang pada kadar tidak pernah berlaku sebelum ini, maka integrasi AI dalam pelbagai industri tidak dapat dielakkan lagi.

Revolusi teknologi ini mencetuskan anjakan besar dalam kemahiran diperlukan majikan, menyebabkan graduan perlu bersaing dengan mesin pintar untuk mendapat kerja. Kehadiran AI membentuk semula landskap pekerjaan, merombak tugas rutin dan melipatgandakan keupayaan pelbagai industri. Walaupun kemajuan teknologi ini menawarkan kecekapan dan inovasi tidak pernah berlaku sebelum ini, ia juga menimbulkan cabaran besar bagi graduan memasuki pasaran pekerjaan.

Persoalannya, bagaimanakah graduan boleh nonjol dan kekal menjadi pilihan majikan dalam persekitaran di mana mesin menjadi tenaga kerja semakin cekap dan murah serta tidak banyak kerentah. Sebagai contoh, kajian Forum Ekonomi Dunia (WEF) mendapati robot dan AI dijangka melaksanakan kira-kira 52 peratus daripada jumlah jam tugas dalam sektor pembuatan menjelang 2025. Akibatnya, graduan mencari pekerjaan dalam

sektor ini bukan sahaja perlu bersaing sesama mereka, tetapi juga dengan mesin yang dilihat mampu menjalankan tugas rutin tanpa keletihan atau kesilapan. Justeru, graduan yang boleh merapatkan jurang kemahiran, menggabungkan pengetahuan khusus dengan kecekapan teknikal, lebih berkesempatan memperoleh pekerjaan dalam pasaran kerja yang kompetitif.

Mendepani isu ini, usaha semua pihak khususnya institusi pendidikan pada masa ini adalah kritisik untuk melahirkan graduan memiliki 'senjata' mampu menyaingi atau berganding bahu dengan AI. Kebolehsuaian dan kesedian untuk menerima pembelajaran sepanjang hayat menjadi sifat kritisik bagi graduan untuk mengemudi persekitaran kerja kompetitif ini. Graduan mesti memupuk kualiti manusiawi untuk kekal relevan dan menawarkan nilai kepada majikan berbanding kemampuan AI.

Manfaatkan kemahiran interpersonal

Maka, program pengajian di universiti perlu berkembang untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran ini, memastikan graduan bukan sahaja mahir dalam bidang pilihan mereka, tetapi memiliki pengetahuan teknikal untuk bekerjasama dan mengurus sistem AI.

Graduan yang boleh memanfaatkan kemahiran interpersonal untuk bekerjasama dengan rakan sekerja manusia dan sistem AI berkemungkinan cererlang dalam persekitaran kompetitif ini.

Satu lagi aspek persaingan antara graduan dan

AI terletak pada permintaan untuk kemahiran khusus. Memandangkan mesin mengambil alih tugas rutin, terdapat peningkatan permintaan untuk individu yang mempunyai kapakaran dalam bidang seperti AI, pembelajaran mesin, sains data dan keselamatan siber.

Universiti dan institusi latihan kemahiran memainkan peranan penting menyediakan graduan menghadapi cabaran AI. Program latihan industri dan pendedahan kepada aplikasi dunia sebenar AI boleh memberikan pelajar pengalaman praktikal dan kelebihan daya saing dalam pasaran kerja.

Walaupun persaingan dengan AI adalah hebat, ia juga memberikan peluang kepada graduan mengukir peranan unik dalam tenaga kerja. Kreativiti, inovasi dan minda keusahawanan boleh membekalkan graduan ketika mereka meneroka jalan baharu dan menyumbang kepada pembangunan serta pelaksanaan teknologi AI.

Yang jelas, kebangkitan AI mengubah pasaran pekerjaan dan menuntut graduan universiti mengharungi cabaran baharu. Kebolehsuaian, pembelajaran berterusan dan gabungan kemahiran teknikal serta insaniah penting untuk graduan berkembang maju dalam persekitaran mesin pintar.

Apabila tenaga kerja berkembang, graduan perlu memanfaatkan nilai manusiawi mereka secara maksimum sebagai prasyarat untuk kekal relevan di alam kerjaya. Kerajaan dan institusi pendidikan harus melabur dalam program latihan semula dan peningkatan kemahiran untuk melengkapkan tenaga kerja dengan kemahiran diperlukan.

TAJUK: DIDIK NILAI AGAMA, MORAL LAHIR MURID MILIKI 'KARAMAH INSANIAH'

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 12

TARIKH : 22/02/2024

12

Rencana

Jumaat, 23 Februari 2024 BH

Didik nilai agama, moral lahir murid miliki 'karamah insaniah'

- Dalam Islam, konsep karamah insaniah amat penting dan nilai ini boleh digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan murid untuk menjadi dewasa

- Pendedahan yang betul terutama didikan nilai murni ibu bapa di rumah dapat membentuk karakter awal kanak-kanak sebelum mereka melangkah ke alam persekolahan



Oleh Prof Madya Dr Abdul Halim Abdullah
bhrenanca@bh.com.my

Pensyarah di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Generasi muda khususnya murid sekolah menghadapi pelbagai cabaran yang semakin kompleks dan mencabar. Banyak gejala sosial berlaku bukan sahaja di sekolah, bahkan luar sekolah. Antara isu semakin menjadi-jadi ialah gejala buli dan pengaruh negatif akibat penggunaan pelbagai aplikasi media sosial.

Isu buli, sama ada secara fizikal atau siber, menjadi masalah serius mempengaruhi murid ketika ini sehingga menimbulkan impak negatif terhadap kesejahteraan emosi dan mental mereka.

Situasi ini membawa implikasi yang mendalam terhadap perkembangan psikososial murid.

Menyedari cabaran baharu ini, Kementerian Pendidikan (KPM) menetapkan pembinaan karakter murid dijadikan fokus utama dalam sistem pendidikan negara. Menurut KPM, satu daripada kaedah baharu akan dimasukkan ke dalam kurikulum persekolahan pada 2027 ialah pendidikan karakter.

KPM sebelum ini memperkenalkan dan menerangkan konsep 'karamah insaniah' yang mana konsep manusiawi diperkenalkan, iaitu setiap murid mempunyai perasaan kasih sayang dan empati antara satu sama lain.

Dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPK), karamah manusiawi secara tidak langsung meningkatkan maruah dan harga diri manusia khasnya murid. Pembentukan adab, akhlak dan integriti adalah komponen karamah insaniah.

Pembangunan diri dan kemahiran interpersonal ini termasuk keberanian, ketabahan, kesabaran, keterampilan berkomunikasi, kepimpinan, kerjasama, kreativiti dan banyak lagi.

Dalam Islam, konsep karamah insaniah amat penting dan nilai ini boleh digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan murid untuk menjadi

dewasa. Komponen utama kurikulum masa hadapan memerlukan ciri yang jelas dan praktikal yang berasaskan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Pendidikan bentuk karakter murid

KPM menyatakan matlamat utama Kurikulum 2027 adalah mewujudkan murid mempunyai nilai dan pengetahuan mencerminkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Rukun Negara. Rentetan daripada itu, pembentukan karakter diperkenalkan dalam kurikulum persekolahan pada 2027.

Pembangunan karakter penting untuk murid kerana ia membantu mereka membangunkan prinsip moral, tanggungjawab dan kepemimpinan diperlukan bagi menangani cabaran dalam kehidupan sehari-hari ketika dewasa kelak.

Dalam banyak sistem pendidikan di seluruh dunia, elemen pembentukan karakter dimasukkan dalam kurikulum. Sebagai contoh, Jepun mempunyai sistem pendidikan menekankan nilai, disiplin dan tanggungjawab. Singapura dan Finland terkenal kerana menekankan aspek karakter dalam pendidikan mereka.

Namun begitu, pendekatan ini boleh berbeza mengikut negara dan bergantung pada nilai masyarakat serta matlamat pendidikan sesebuah negara.

Sebagai rakyat Malaysia, kita pastinya kerap mendengar kata-kata 'Ilmu tanpa amal, ibarat pohon tidak berbuah' yang merujuk kepada

Langkah KPM memperkenalkan pendidikan karakter seawal mereka menjelaskan kaki di peringkat prasekolah adalah langkah tepat



keadaan seseorang memperoleh kebijaksanaan tetapi tidak menggunakan dalam tindakan atau kehidupan sehari-hari.

Dalam situasi seperti ini, seseorang murid mungkin mempunyai pengetahuan luas atau pemahaman mendalam mengenai suatu subjek, tetapi pengetahuan itu tidak memberi manfaat jika tidak digunakan.

Selari dengan istilah 'Pendidikan Masa Hadapan' acapkali digunakan KPM, guru sering diberi jolokan 'agen perubahan' memainkan peranan utama untuk memperbaiki karakter murid melalui pendidikan, sama ada secara formal atau tidak.

Sebagai contoh, pembelajaran boleh dirancang untuk menanamkan sikap ketekunan dan rasa tanggungjawab. Untuk membina semangat kerjasama dan menyelesaikan masalah, guru boleh menggalakkan murid bekerjasama dan berkomunikasi antara satu sama lain.

Dalam bilik darjah, menumpukan pada penyelesaian masalah dan pemikiran kritis boleh meningkatkan kreativiti dan disiplin diri. Pendekatan ini membolehkan guru bertindak bukan sahaja sebagai pengajar dan pemudah cara, tetapi pembentuk karakter bagi memastikan murid mencapai kejayaan akademik dan menanamkan murni dalam diri mereka.

Ibu bapak berperanan pupuk peribadi positif
Sungguhpun demikian, karakter murid secara logiknya tidak boleh dipaksakan. Ia perlu dibentuk dan dipupuk seawal mereka kecil lagi. Ibu bapak sebenarnya memainkan peranan penting membentuk karakter positif sebagai pembelajaran awal di rumah.

Pendedahan yang betul dapat membentuk karakter awal kanak-kanak sebelum mereka melangkah ke alam persekolahan. Langkah KPM memperkenalkan pendidikan karakter seawal mereka menjelaskan kaki di peringkat prasekolah adalah langkah tepat.

Karakter dibentuk di rumah kemudian diperkuahkan lagi dengan ekosistem persekolahan membina. Persekutuan sekolah, kandungan kurikulum, pendekatan guru dan rakan sebaya memberi pengaruh besar terhadap pembentukan karakter murid.

Namun perlu diingat amalan baik perlu dipupuk dan tidak boleh dipaksa. Ia seharusnya dijadikan budaya dalam ekosistem persekolahan terlebih dahulu dan dalam hal ini, ia mengambil masa untuk dibentuk.

Masyarakat tidak seharusnya mengharapkan kesannya dalam jangka masa singkat kerana sikap baik tidak dapat dibentuk dalam masa sehari dua, sebaliknya dibentuk secara berterusan untuk satu jangka masa panjang.

Sekolah dan rumah adalah dua ekosistem utama membentuk karakter murid menjadi manusia berfungsi secara manusiawi.

Walaupun KPM mencadangkan cara baharu untuk menumpukan masa atau sesi tertentu kepada pendidikan karakter dengan menyediakan slot pembelajaran sosial dan emosional, budaya amalan baik membawa kepada pembentukan karakter seharusnya berlaku pada bila-bila masa dan tidak kira di mana mereka berada.